



ISTIHALAH IN MALAYSIAN FATWA

ISTIHALAH DALAM FATWA DI MALAYSIA

Zulfaqar Mamat¹

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
zulfaqar@usim.edu.my

Abstract

This article aims to explain the issue of istihalah and also fatwas related to it, especially Malaysian fatwas. This is due to many products or food sources nowadays produced by entrepreneurs have been mixed with various ingredients so that it is not known because it has changed its original nature. This qualitative study involves a literature review with reference to the books of fiqh that are authoritative, several journals and internet references that can be trusted as data sources. The results of the study explained that the jurists have always disagreed on the question of the law of material cleared by istihalah, the disagreement led to disagreement of current fatwas on this matter and Malaysia has its own position on this issue.

Keywords: *Istihalah, Fatwa, Ijtihad, Malaysia, Ingredients.*

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan isu istihalah dan juga fatwa yang berkait dengannya terutamanya fatwa Malaysia. Ini berikutan banyak produk atau sumber makanan pada masakini yang dikeluarkan oleh pengusaha telah dicampur dengan pelbagai bahan sehingga tidak dikenali kerana telah berubah sifat asalnya. Kajian bersifat kualitatif ini yang melibatkan kajian kepustakaan dengan merujuk kepada kitab-kitab fiqh yang muktabar, beberapa jurnal dan rujukan internet yang boleh dipercayai sebagai sumber data. Hasil kajian menjelaskan bahawa para fuqaha sejak dahulu berselisih pendapat dalam persoalan hukum bahan yang dibersihkan dengan cara istihalah, perselisihan tersebut membawa kepada perselisihan fatwa-fatwa kontemporari berhubung perkara berkenaan dan Malaysia mempunyai pendirian yang tersendiri dalam isu ini.

Kata kunci: *Istihalah, Fatwa, Ijtihad, Malaysia, Bahan.*

PENDAHULUAN

Islam sebagai agama yang sempurna telah menyediakan dasar dan prinsip umum mengenai halal haram dalam pemakanan, ubat-ubatan dan apa juga bahan-bahan kegunaan harian yang lain. Sementara dalam perkara-perkara yang ada kekeliruan hukum maka para fuqaha Islam telah melakukan penelitian dan *ijtihad* bagi memperjelaskan isu-isu tersebut. Hasil daripada penggalian dan *istinbat* hukum yang dilakukan, terdapat kaedah-kaedah yang telah dikenalpasti oleh para fuqaha dalam mengukur status halal atau haram sesuatu produk berkenaan.

Antaranya ialah kaedah *istihalah* atau dalam bahasa yang lebih mudah ialah percampuran antara bahan atau perubahan sesuatu benda menjadi suatu benda yang lain. Kaedah-kaedah ini sebenarnya telah dibincang oleh para fuqaha terdahulu dalam kitab-kitab fiqh, tetapi ia didapati bertebaran dalam bab-bab fiqh yang pelbagai seperti dalam bab bersuci dan bab makanan serta minuman. Pengunaannya sebagai satu istilah teknikal dalam fiqh hanya mula digunakan oleh para ulama era kontemporari (Saadan Man:2009)

LATARBELAKANG ISU

Terdapat pelbagai produk pada masa kini yang menjadi pilihan umat Islam. Banyak produk perubatan, makanan dan barang gunaan serta kosmetik yang telah mengalami perubahan dari segi kandungan dan cara pembuatannya. Keraguan dan kekeliruan mula timbul di kalangan pengguna Islam terhadap status kehalalan produk yang dicampuraduk bahan-bahannya sehingga ada sesetengahnya yang telah hilang sifat asalnya dan menjadi satu produk lain yang berbeza sama sekali dari segi nama, bentuk, rasa dan ciri-cirinya.

DEFINISI ISTIHALAH

Perkataan *istihalah* berasal dari kata akar *hawala* yang membawa maksud berubah. Dalam penggunaan fiqh istilah "*istihalah*" merujuk kepada perubahan sesuatu najis kepada suatu bahan yang suci (al-Fayyumi: t.thn). Sementara *istihalah* dari segi istilah pula tidak begitu berbeza dengan maksud dari segi bahasa iaitu perubahan sesuatu zat (*istihalah al-a'yan*) merujuk kepada perubahan bahan asal sama ada hilang sebahagian atau keseluruhan zat atau sifatnya (Ibn Abidin: 1966).

Majlis Penyelidikan dan Fatwa Eropah (2013) pula mendefinisikan *istihalah* ialah perubahan daripada suatu bahan kepada bahan yang lain dengan berubah zat dan sifatnya. Ia memberi kesan kepada perubahan hukum dengan sebab perubahan itu, seperti anggur yang bertukar menjadi arak maka hukumnya haram, tetapi apabila arak bertukar menjadi cuka maka hukumnya halal.

Istilah Berkaitan

Antara istilah yang hampir sama dengan *istihalah* ialah *istihlak* iaitu sesuatu yang hilang ciri-ciri bahan (asal) dengan sebab ia terurai dalam air atau cecair yang kuantitinya lebih banyak, sehingga menjadikan ia larut didalamnya lalu memberi kesan dari segi perubahan hukum. Antara contohnya ialah air najis yang ditambah atau dimasukkan ke dalam air bersih yang banyak maka ia dihukum bersih apabila didapati air tersebut tidak berwarna, tidak berbau dan tidak berasa yang tidak menyenangkan (Majlis Penyelidikan dan Fatwa Eropah:2013).

Sesetengah pengkaji menyatakan *istihlak* adalah satu bahagian dari *istihalah*. Walaubagaimanapun, Anisah Ab Ghani dan Muhamad Safiri Ismail (2014) menyatakan ada sedikit perbezaan antara maksud *istihalah* dan *istihlak*, di mana *istihalah* melibatkan perubahan sifat jirim bagi satu bahan yang sama sedangkan *istihlak* pula melibatkan

percampuran jirim dua bahan yang berbeza sehingga salah satu daripadanya terurai dalam jirim bahan yang kedua. Namun begitu, konsep penentuan hukum daripada kedua-dua kaedah ini adalah tetap sama di mana hukum (sama ada suci/halal atau najis/haram) yang akan diputuskan adalah berdasarkan kepada sifat atau ciri baru yang terhasil pada bahan akhir dan bukannya berdasarkan sifat atau ciri sebelum proses ini berlaku.

PANDANGAN MAZHAB FIQH

Berikut dikemukakan beberapa pandangan mazhab berkaitan dengan kedudukan *istihalah* dalam penentuan hukum;

Mazhab Shafi'i

Mazhab Syafi'i antara yang menyempitkan skop *istihalah* kepada beberapa aspek tertentu sahaja. Ini dapat dilihat melalui tulisan dalam kitab-kitab fiqh mereka sebagaimana kata Imam al-Shirazy (t.thn) dalam "*al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*":

"ولا يطهر شيء من النجاسة بالاستحالة الا شيئين: أحدهما جلد الميتة اذا دبغ وقد دللنا عليه في موضعه والثاني الخمر اذا استحالت بنفسها خلا فتطهر بذلك".

Maksudnya, "*Tidaklah bersih sesuatu najis dengan sebab istihalah melainkan dua perkara: Salah satunya kulit binatang yang disamak dan yang kedua arak apabila bertukar menjadi cuka dengan sendiri maka ia dianggap bersih dengan sebab itu*".

Mazhab Hanafi

Mazhab Hanafi pula antara golongan ulama yang memperluaskan skop *istihalah*. Imam al-Zayla'iy (1984) dalam kitabnya "*Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq wa Hasyiah al-Shalabi*" menyatakan:

"وكل ما لا ينصرف بالعصر والأعيان النجسة تطهر بالاستحالة عندنا وذلك مثل الميتة اذا وقعت في المملحة فاستحلت حتى صار ملحاً والعذرة اذا صارت تراباً أو أحرقت بالنار وصارت رماداً وهي نظير الخمر اذا تخللت أو جلد الميتة اذا دبغت فانه يحكم بطهارتها للاستحالة وذكر في الفتاوى أن رأس الشاة لو أحرقت حتى زال الدم يحكم بطهارته، وكذا البلة النجسة في التنور تزول بالاحراق".

Maksudnya, "*Setiap bahan yang tidak hancur dengan sebab perahan atau ain najis, menjadi bersih dengan istihalah menurut pandangan kami, seperti bangkai yang jatuh ke dalam lautan garam yang terlarut sehingga menjadi garam, tahi apabila menjadi debu tanah atau dibakar dengan api sehingga menjadi abu, maka hukumnya sama dengan arak apabila berubah menjadi cuka atau kulit binatang yang telah disamak iaitu dihukum bersih dengan sebab istihalah, dan disebut dalam fatwa bahawa kepala kambing sekiranya dibakar sehingga hilang darahnya maka dihukum bersih, begitu juga lembapan najis di dapur boleh menjadi bersih dengan sebab pembakaran*".

Mazhab Maliki

Pandangan dalam mazhab Maliki berhubung perkara ini hampir menyerupai pandangan mazhab Hanafi di mana kedudukan hukum ditentukan kepada illahnya. Al-Dasuqi (1980) ada menyatakan dalam kitab *Hashiyat al-Dasuqi ala al-Syarh al-Kabir*:

"والظاهر لبن الآدمي ذكر أو أنثي ولو كافرا ميتا سكران لاستحاله الى الصلاح. وعلة نجاسة القيء الاستحالة إلى فساد".

Maksudnya, "Kesucian susu anak Adam lelaki atau perempuan sekalipun daripada orang kafir adalah kerana berlaku perubahan (istihalah) kepada yang baik. Manakala muntah yang keluar dari usus adalah najis kerana berlaku perubahan (istihalah) kepada yang kotor".

Mazhab Hanbali

Mazhab Hanbali mempunyai pendirian yang hampir sama dengan mazhab Syafi'i dalam hal ini. Ibn Qudamah (t.thn) dalam *al-Mughniy* menyatakan:

"ظاهر المذهب، ولا يطهر شيء من النجاسات بالاستحالة، إلا الحمرة إذا انقلبت بنفسها خلا، وما عداه لا يطهر: كالنجاسات إذا احترقت وصارت رمادا، والخنزير إذا وقع في الملاحه وصارت ملحاً، والدخان المترقي من وقود النجاسة، والخار المتصاعد من الماء النجس إذا اجتمعت منه نداوة على جسم صقيل ثم قطر، فهو نجس. ويخرج أن تطهر النجاسات كلها بالاستحالة قياساً على الحمرة إذا انقلبت، وجلود الميتة إذا دبغت، والجلالة إذا حسبت، والأول ظاهر المذهب. وقد نهى إمامنا رحمه الله عن الخبز في تنور شوي فيه خنزير".

Maksudnya, "Mazhab (Hanbali) secara zahirnya, bahawa tidak bersih sesuatu yang najis dengan istihalah melainkan arak apabila bertukar dengan sendirinya menjadi cuka. Selainnya tidak dianggap bersih, seumpama najis yang dibakar menjadi abu, babi yang jatuh ke dalam garam lalu menjadi garam, asap dan wap yang terhasil daripada najis. Maka terkeluarlah kesemua bahan yang teristihalah itu jika diqiaskan kepada arak yang bertukar cuka, kulit haiwan yang disamak dan haiwan al-jallah yang telah dikuarantin. Sesungguhnya telah menegah imam kami memakan roti dari dapur yang disalai padanya babi".

PANDANGAN FATWA KONTEMPORARI

Beberapa fatwa kontemporari berkaitan *istihalah* telah dikeluarkan oleh badan-badan fatwa yang mempunyai kelayakan untuk mengeluarkan hukum, dalam kajian ini hanya dua badan fatwa yang dinyatakan hanya untuk melihat sisi perbezaan keputusan mengenai istihalah sahaja, iaitulah Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Islam dan Majlis Eropah untuk Penyelidikan dan Fatwa.

Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Islam merupakan sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan kerajaan Malaysia semenjak awal 1970 berdasarkan kepada peruntukan dalam peraturan MKI (1981) perkara 11 (a) yang menyatakan:

"Maka hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- i. Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dari antara ahli-ahlinya;
- ii. Mufti tiap-tiap Negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili negeri dalam hal ehwal agama;
- iii. Lima orang alim ulama yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja;
- iv. Seorang ahli yang beragama Islam dari perkhidmatan kehakiman dan undang-undang atau dari profesion undang-undang yang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja".

Jawatankuasa ini memainkan peranan yang besar sebagai wakil negara Malaysia dalam memutuskan sesuatu hukum yang bersangkutan dengan hal ehwal agama Islam

peringkat kebangsaan dan memberi petunjuk kepada masyarakat awam keseluruhannya dalam beriltizam dengan hukum hakam syarak. Keputusan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa ini boleh dianggap sebagai fatwa yang menyentuh kepentingan nasional. Pada kebiasaannya ia menyentuh persoalan yang berkaitan dasar, polisi, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensi (Mohd. Mohadis Yasin. 2007).

Sementara Majlis Eropah untuk Penyelidikan dan Fatwa (European Council for Fatwas and Research) (Al-Ta'rif bi Majlis Fatwa al-Urubbi wa al-Ifta. 2021) merupakan satu pertubuhan Islam yang bebas dan berkepakaran yang sekarang ini berpusat di Ireland, United Kingdom. Ia ditubuhkan pada tahun Mac 1997 di London hasil dari perjumpaan lebih 15 orang ulama seluruh dunia yang dijemput oleh Kesatuan Islam Eropah. Antara objektif penubuhannya ialah:

- i. Merapatkan jurang antara ulama benua Eropah dan berusaha menyatukan pandangan fiqh antara mereka dalam isu-isu penting.
- ii. Mengeluarkan fatwa secara jamaie bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam di Eropah dan menyelesaikan masalah mereka berdasarkan hukum dan maqasid syariah.
- iii. Mengeluarkan kajian dan penyelidikan berasaskan syariah yang boleh menyelesaikan isu-isu terkini di benua Eropah.
- iv. Memberi petunjuk kepada masyarakat Islam di Eropah secara umumnya dan para pemuda mereka secara khususnya melalui pemahaman Islam yang asli dan dan fatwa yang menepati kehendak syarak.

Berikut merupakan beberapa keputusan fatwa berkaitan *istihalah* yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Islam dan Majlis Eropah untuk Penyelidikan dan Fatwa.

Keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Islam

Penelitian yang dibuat terhadap keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menunjukkan terdapat beberapa fatwa berkaitan produk berasaskan *istihalah* telah diputuskan, kebanyakannya berkaitan dengan bab perubatan, makanan dan minuman serta sedikit dalam bab sosial dan syariah, antaranya;

Gelatin Dalam Ubat

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan Gelatin Dalam Ubat. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan gelatin dalam ubat pada masa sekarang adalah diharuskan kerana dharurat. Sekiranya telah ada bahan halal yang dapat menahan ubat dari cepat rosak, maka penggunaan gelatin dalam ubat tidaklah lagi diharuskan.

Penggunaan Air Baru (Newater)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-53 yang bersidang pada 27 November 2002 telah membincangkan Penggunaan Air Baru (Newater). Muzakarah telah memutuskan bahawa air baru Newater adalah bersih dan harus digunakan dari sudut hukum syarak.

Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateq Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateq Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan vaksin Biothrax dan Rotateq adalah tidak dibenarkan kerana:

- i. Situasi kini dianggap tidak darurat;
- ii. Terdapat bahan atau ubat alternatif selain penggunaan unsur babi dalam pemprosesan kedua-dua vaksin;
- iii. Tiada data sokongan yang kuat untuk membuktikan rakyat negara ini memerlukan kedua-dua vaksin ini.

Keputusan Institusi Fatwa Antarabangsa

Majlis Eropah untuk Penyelidikan dan Fatwa (European Council for Fatwas and Research) dalam Persidangan Fiqh Perubatan di Marocco tahun 1997 telah mengeluarkan fatwa yang membenarkan bahan yang asalnya haram tapi telah berubah melalui proses, begitu juga alkohol yang sedikit yang terdapat dalam makanan tertentu yang tiada kesan, dimana fatwa tersebut menyebutkan:

Fatwa (34) (Q):

“The ingredients of some foods contain items which are denoted by the letter “E” and a string of numbers. We were told that this denotes items manufactured from Lard or Pork bone and marrow. If this is true, what is the Shari’a ruling on such foods?

A) The items which carry the letter “E” and a string of numbers are additives. Additives are more than 350 compounds, and could be either preservatives, colouring, flavourings, sweeteners, etc. These are divided into four groups according to their origin:

First: compounds of artificial chemical origin.

Second: compounds of vegetal origin

Third: compounds of animal origin

Fourth: compounds dissolved in Alcohol

The ruling on all these compounds is that they do not affect the status of these foods being Halal, due to the following:

The first and second groups are Halal because they originate from a permissible origin and no harm comes from using these items.

The third group is also Halal, because the animal origin does not remain the same during the process of manufacturing. In fact it is transformed radically from its original form to a new clean and pure form through a process called “chemical transformation”. This transformation also affects the legal ruling on such ingredients. Therefore, if the original form was unclean or Haram, the chemical transformation changed it to another ingredient which requires a new ruling. For instance, if alcohol changed and was transformed to vinegar, then it does not remain Haram, but carries a new ruling according to the nature of the new product, which is Halal.

As for the fourth group, these items are usually colourings and are normally used in extremely small quantities which dissolves in the final product form, which deems it an excused matter.

Therefore, any foods or drinks that contain any of these ingredients remains Halal and permissible for the Muslim’s consumption. We must also remember that our religion is a

religion of ease and that we have been forbidden from making matters inconvenient and hard. Moreover, searching and investigating into such matters is not what Allah (swt) or His Messenger (ppbuh) ordered us to do”.

PERBINCANGAN

Secara umumnya, kaedah *istihalah* ini diambil dari sumber wahyu Allah SWT sebagaimana yang tercatat dalam surah al-Nahl ayat 66 yang bermaksud:

﴿وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً لَتُسْقِيَكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّارِبِينَ﴾

Maksudnya, “Dan Sesungguhnya pada binatang ternak itu benar-benar terdapat pengajaran bagi kamu. Kami memberimu minum dari pada apa yang berada dalam perutnya (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah ditelan bagi orang-orang yang meminumnya”.

Dalam ayat di atas, kaedah *istihalah* dapat dilihat dari aspek bahawa susu yang dihasilkan oleh binatang ternakan adalah halal walaupun ia berada di antara najis dan darah haiwan berkenaan. Susu itu terhasil dari makanan yang dimakan oleh haiwan tersebut yang kemudiannya dicernakan di dalam perut di mana sebahagiannya menjadi darah, daging dan susu, manakala selebihnya menjadi najis yang dikeluarkan apabila tiba masanya. Justeru, para ulamak merumuskan, perubahan tabie darah yang haram dimakan kepada susu dan daging yang suci dan halal di makan adalah proses *istihalah* yang diterima.

Sementara dalil berasaskan hadis pula, tidak terdapat satu hadis yang khusus menyebut secara langsung tentang *istihalah*. Walaupun begitu, ini tidak bermakna kaedah *istihalah* tidak dibincangkan dalam khazanah keilmuan Islam. Ini kerana dari segi praktiknya terdapat beberapa hadis yang membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan konsep tersebut. Antaranya ialah isu penyamakan dan status haiwan *al-jallalah*.

Dalam perbincangan mengenai kulit haiwan yang disamak, Nabi SAW bersabda:

{ إذا دبغ الاءهاب فقد طهر }

Maksudnya, “Apabila kulit disamak, ia menjadi suci” (Hadis riwayat Al-Baihaqi: t. thn).

Sementara dalam isu haiwan *al-jallalah* Nabi SAW telah bersabda:

{ نهي رسول الله ﷺ عن لحوم الحمر الأهلية وعن الجلالة: عن ركوبها وأكل لحومها }

Maksudnya, “Rasulullah SAW melarang daripada makan daging himar ternakan, dan juga dilarang memakan haiwan *al-jallalah* sama ada menunggang dan memakan dagingnya” (Hadis riwayat Abu Daud dlm. Abadiy: 1968)

Walaupun terdapat dalil tentang keharusan beramal dengan kaedah *istihalah* dalam beberapa kes seperti dikemukakan di atas, tetapi para fuqaha berselisih pendapat untuk memperluaskan kaedah ini kepada kes-kes yang lain. Ada dikalangan fuqaha yang hanya menerima pengaplikasian kaedah tersebut dalam skop yang sempit seperti isu cuka yang mengalami perubahan daripada arak dan kulit haiwan yang disamak sekalipun daripada bangkai. Kumpulan ini diterajui oleh kebanyakan ulama Syafi’iyyah serta Hanabilah.

Manakala di pihak yang kedua pula, wujud sebahagian ulama lain iaitu sebahagian ulama Hanafiyyah, Zahiriyyah dan juga Malikiyyah yang meluaskan skopnya di mana mereka mengaplikasikan kaedah tersebut dalam apa jua bidang kepenggunaan asalkan ianya berkongsi *illah* hukum yang sama (Anisah Ab Ghani dan Muhamad Safiri Ismail: 2014).

PENUTUP

Berdasarkan beberapa perkara yang dinyatakan diatas beberapa kesimpulan yang dapat diambil ialah seperti berikut:

- i. Dunia masa kini menyaksikan kebanyakan produk makanan, barang gunaan, perubatan dan sebagainya mengandungi bahan campuran dalam pemrosesannya. Percampuran itu menyebabkan keraguan di kalangan masyarakat Islam sekiranya bahan yang dicampur diambil dari sumber yang meragukan dari sudut hukum.
- ii. II. Persoalan *istihalah* dalam penghasilan produk makanan merupakan perkara yang menjadi perselisihan di kalangan fuqaha. Ada yang meluaskan skop penggunaannya dan ada yang menyempitkannya kepada beberapa perkara sahaja. Selama mana ijtihad yang dilakukan dalam menilai kaedah ini tidak melanggar batasan syariat, mengambilkira kesesuaian dengan uruf dan suasana setempat, maka ia adalah dibenarkan.
- iii. Malaysia mempunyai pendirian tersendiri terhadap kaedah *istihalah* dalam penghasilan produk halal, amalan semasa menunjukkan pendapat mazhab Syafie diutamakan dalam membuat keputusan terhadap isu hukum yang membabitkan kaedah *istihalah*. Walaubagaimanapun, dalam sesetengah isu pendapat mazhab lain juga diterima sekiranya bersesuaian dengan maqasid syariah dalam membawa kebaikan dan menolak kemudaratan.

RUJUKAN

- Abadiy, Muhammad Syams al-Haq al-Azim. 1968. *Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*, Juz. 10, Madinah al-Munawwarah. Al-Maktabah al-Salafiyah.
- Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin Ali. T.Thn. *Sunan al-Kubra*, Juz. 1. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Dusuqi, Muhammad ibn Ahmad ibn Arafah. 1980, *Hashiyat al-Dasuqi ala al-Syarh al-Kabir*, Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Fayyumi, Abu al-Abbas Ahmad bin Muhammad. T.Thn. *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharh al-Kabir*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar. 1966. *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar: Syarh Tanwir al-Absar*, Jld. 1, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ibn Qudamah. Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. T.thn. *Al-Mughniy*. T. Tpt. Maktabah al-Qahirah.
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan*. 2015. Cet. Ke-5. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Majlis Penyelidikan dan Fatwa Eropah*. 2013. Keputusan Mesyuarat Kali ke-23. 25-28 Jun 2013. Sarajevo. Bosnia.
- Al-Shirazy, Ibrahim bin Ali bin Yusof. T.thn. *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*. T. Tpt. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zayla'iy, Fakh al-Din. 1984. *Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq wa Hasyiah al-Shalabi*. Kaherah. Al-Matbaah al-Kubra al-Amiriyyah.

Jurnal dan Seminar

- Mohd. Mohadis Yasin. 2007. *Pengurusan & Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan Dan Cabaran Di Malaysia*, dlm. Abdul Samat Musa et.al. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*. Vol.1. No.1. 2007. Nilai: Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

Saadon Man. 2009. *Pendekatan Istihalah Dalam Produk Yang Berunsurkan Babi* dlm. Seminar Fenomena Najis Mughallazah Dalam Dunia Kontemporari. Auditorium SIRIM. Shah Alam. Selangor.

Internet

Anisah Ab Ghani dan Muhamad Safiri Ismail. 2014. *Konsep Istihalah Dan Hubungannya Dalam Penentuan Hukum Makanan* dlm. <https://helikmedia.wordpress.com/2014/06/05/konsep-istihalah-dan-hubungannya-dalam-penentuan-hukum-makanan/>

Al-Ta'rif bi Majlis Fatwa al-Urubbi wa al-Ifta. Dlm. <https://www.e-cfr.org/%d9%85%d9%86-%d9%86%d8%ad%d9%86/> akses pada 9 Julai 2021

Statut

Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. 1981. *Perkara 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.